

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
(ARAU)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ ARAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh kementerian dalam membersihkan semula imej Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar kepercayaan rakyat yang telah goyah akibat penahanan beberapa anggota dan pegawai PDRM yang terlibat dalam Macau Scam dan pengubahan wang haram oleh SPRM kembali pulih serta apakah inisiatif bagi memastikan isu Macau Scam yang berpunca daripada kebocoran data dan maklumat peribadi tidak lagi berlaku.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membersihkan semula imej PDRM agar kepercayaan rakyat yang telah goyah akibat penahanan beberapa anggota dan pegawai PDRM yang terlibat dalam Macau Scam dan pengubahan wang haram oleh SPRM adalah seperti berikut :

1. Memastikan agenda pemantapan governans, integriti dan antirasuah kerajaan dilaksanakan sebagaimana berikut:

**1.1. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PDRM**

Sejajar dengan arahan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan (OACP)*), Pelan Antirasuah Organisasi bagi PDRM telah dibangunkan dengan cara mengenal pasti bidang berisiko serta mengatur strategi dan inisiatif yang bersesuaian bagi mengatasi setiap risiko yang berhubung kait dengan rasuah termasuk isu terkini iaitu penglibatan pegawai PDRM dalam jenayah Macau Scam dan penggubahan wang haram.

**1.2. Jawatankuasa Antirasuah (JAR) PDRM**

Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard sebagai sekretariat JAR bagi PDRM sentiasa memastikan semua Pengerusi JAR Jabatan, Kontinjen (Negeri-negeri), Formasi dan Daerah melaksanakan JAR di peringkat masing-masing serta memastikan setiap isu yang berkaitan dengan jenayah rasuah ditangani sebagaimana objektif pelaksanaan yang ditetapkan kerajaan.

**1.3. Memperkasakan JIPS:**

Keupayaan Jabatan Integriti dan pematuhan Standard untuk melaksanakan semua enam fungsi teras telah diberi perhatian khasnya melibatkan fungsi penguatkuasaan undang-undang dan peraturan iaitu pemeriksaan pematuhan, operasi pengesahan dan pengesahan, serta penyiasatan dan perundangan.

2. Semua cawangan dan unit daripada enam teras dalam JIPS terus digembling bagi memastikan fungsi dan peranan JIPS dalam mengembalikan kepercayaan masyarakat kepada PDRM, diantaranya :-

**2.1. Pengurusan Aduan:**

PDRM melalui JIPS membuka luas ruang kepada masyarakat awam mahupun warga PDRM dalam menyalurkan aduan atau maklumat ke atas apa juga salahlaku khasnya berkaitan rasuah dan salahguna kuasa melalui apa juga saluran samada secara hadir sendiri, perhubungan telefon mahupun melalui kemudahan perhubungan secara lektronik / secara maya.

**2.2. Pemeriksaan Pematuhan:**

Pemeriksaan Pematuhan secara pro-aktif melalui pelbagai pendekatan termasuk tindakan ‘Mystery Shopping’ dan ‘Integrity Testing’. Penguatkuasaan akauntabiliti penyeliaan sebagaimana peruntukan Peraturan 3(C) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (PPPA (K&T) 1993) sejajar dengan arahan Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua polis Negara.

**2.3. Bahagian Agama Dan Kaunseling (BAKA), JIPS:**

Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) JIPS bertanggungjawab untuk memperkasakan modal insan PDRM melalui pendekatan psikologi dan spiritual dengan memberi penekanan kepada aspek pembangunan, pencegahan, dan pemulihan.

Selain itu, PDRM melalui BAKA juga sentiasa melaksanakan program-program membimbing anggota dan pegawai PDRM menjurus kepada konsep tadbir urus yang bercirikan kepimpinan yang amanah sebagai standard of practice dalam tadbir urus PDRM dan dibudayakan oleh semua peringkat pembuat dan pelaksana dasar tanpa mengira agama dan bangsa. Bagi memperkasakan PDRM dan meningkatkan imej serta jati diri kepimpinan warga pasukan BAKA telah melaksanakan program-program berikut:

- i) Program Khalifah Talk yang melibat pimpinan tertinggi PDRM, program berteraskan Maqasid Syariah (tujuan syariah Islam dilaksanakan) bagi memelihara lima perkara iaitu menjaga agama, nyawa, akal, harta benda dan keturunan.

Bagi pegawai yang menganut lain-lain agama, program moral dan keagamaan adalah mengikut kesesuaian dan tuntutan agama masing-masing.

- ii) Program Penguasaan Quran (PPQ) secara berterusan yang dilaksanakan oleh semua peringkat kontinjen/ briged dan formasi seluruh Negara bagi membudayakan Al-

## **SOALAN NO : 31**

Quran dalam kehidupan harian anggota rendah dan pegawai PDRM.

- iii) Menggalakkan semua peringkat jabatan / formasi menjalankan pengajuran aktiviti keagamaan setiap agama sebagaimana penganjuran kelas fardhu ain dan penekanan kepada ibadah solat dengan membudayakan solat fardhu berjamaah setiap waktu anggota PDRM yang beragama islam sehingga mampu mencegah kemungkaran seperti rasuah, salah guna kuasa serta jenayah.

### **2.4. Tindakan Punitif:**

Sebarang bentuk penglibatan pegawai PDRM dalam jenayah Macau Scam dan pengubahan wang haram, selain siasatan dan tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa termasuk POCA, pihak JIPS PDRM turut menjalankan siasatan tatatertib secara selari di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (PPPA (K&T) 1993) yang memperuntukan hukuman hingga dibuang kerja.

PDRM tidak berkompromi dengan mana-mana pegawai kanan polis atau pegawai rendah polis yang terlibat dengan sindiket macau scam dan tindakan sewajarnya akan diambil bagi memastikan imej PDRM tidak tercalar.

Inisiatif PDRM dalam menangani masalah ini adalah dengan menjalankan kerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia dan Bank Negara Malaysia bagi memastikan semua penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan pihak perbankan mematuhi setiap garis panduan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kebocoran maklumat pengguna daripada berlaku. Di samping itu juga, penggunaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 harus diperluaskan agar rakyat sedar bahawa data peribadi mereka adalah dilindungi oleh peruntukan undang-undang.